

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- DATUK S'ERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA **BELIAU** TELAH MULA MENERIMA DAN MENELITI SENARAI **CALON-CALON** YANG DICADANGKAN OLEH PERHUBUNGAN UMNO NEGERI **BAGI** PILIHAN **RAYA UMUMAKAN DATANG.**

**PERDANA** MENTERI BERKATA **BADAN-BADAN** -PERHUBUNGAN HANYA BERHAK UNTUK MENGEMUKAKAN SENARAI **CALON** YANG DICADANGKAN UNTUK DIKAJI TETAPI TIDAK SEMESTINYA SENARAI ITU DITERIMA **TANPA** PINDAAN.

**BELIAU**, YANG **JUGA** PRESIDEN **UMNO** MEMBERITAHU PERSIDANGAN **AKHBAR** SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS **TERTINGGI PARTI** ITU DI **SINI, PARTI** KOMPONEN **BARISAN NASIONAL (BN)** BERTANGGUNGJAWAB MEMPASTIKAN **CALON** YANG MEREKA DICADANGKAN **MEMPUNYAI REKOD** BERSIH UNTUK LAYAK BERTANDING.

**INI, KATANYA**, BAGI MENGELAKKAN KEMUNGKINAN PENCALONAN **DITOLAK** KERANA **CALON** MEMPUNYAI REKOD JENAYAH ATAU MENGHADAPI MASALAH **MUFLIS.**

**PADA** PERSIDANGAN **ITU**, DATUK SERI DR MAHATHIR ITU **TURUT** MENJELASKAN **TENTANG** KEDUDUKAN KERUSI YANG DULUNYA DIPEGANG OLEH HAMIM DAN BERJASA **SEMASA** MEREKA MASIH MENGANGGOTAI BN. -- **LAGI**  
1546MST 08 09 90 -

DO77

U B973 AAB

MAHATHIR - **CALON 2 KUALA LUMPUR**

**BELIAU** BERKATA **JIKA** HAMIM DAN BERJASA MASIH DI DALAM **BN**, **BELIAU** **YAKIN** KAWASAN ITU AKAN DIKEMBALIKAN KEPADA MEREKA **ATAS** RASA BELAS KASIHAN.

+OLEH KERANA MEREKA SUDAH MASUK SEBELAH **SANA**, HAMIM DAN BERJASA **KENAMINTA** DENGAN SEMANGAT 46 DAN **SAYAYAKIN** 46 TIDAK AKAN BERI SEKERAT PUN KEPADA **MEREKA, +** KATANYA.

**PERDANA** MENTERI **TURUT** MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MENGGUNAKAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (**ISA**) UNTUK MENYEKAT **CALON-CALON** YANG MENGGUNAKAN ISU TERTENTU DALAM PILIHAN **RAYA** AKAN DATANG.

**KATANYA**, SETIAP **CALON** BERHAK UNTUK MENJADI WIRA KEPADA SESUATU **ISU** **TETAPI** TINDAKAN AKAN DIAMBIL SEKIRANYA SESEORANG ITU MULA BERKEMPEN UNTUK MENIMBULKAN KEKERASAN.

+**INI SESUAI** DENGAN **AMALAN DEMOKRASI**. ..SEBENARNYA KADANG-KADANG **KITA JUGA** ADA BENARKAN **BENDA** YANG **SALAH** **TANPA** MENGAMBIL TINDAKAN+.

**BELIAU** MEMBERI CONTOH BAGAIMANA KERAJAAN TIDAK MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN TERHADAP DAP DAN, PAS YANG **MENJUALAKHBAR** ROCKET DAN HAKAKAH DI KEDAI-KEDAI SEDANGKAN IA HANYA UNTUK EDARAN DI KALANGAN ANGGOTA **PARTI**. -- LAG1

1548MST 08 09 90

DO83

U B974 AAB

MAHATHIR - **CALON 3 KUALA LUMPUR**

**PERDANA** MENTERI BERKATA WALAUPUN ADA- **CALON** YANG MENGGUNAKAN ISU PERKAUMAN DAN **AGAMA**, TETAPI TINDAKAN TIDAK AKAN DIAMBIL JIKA ISU SEPERTI ITU TIDAK MEMBAWA KEPADA KEADAAN TEGANG.

+**JIKA DIFIKIRKAN**, PARTI PAS **ITU SENDIRI** MERUPAKAN PENGGUNAAN ISU **AGAMA** KERANA IA MEMPERALATKAN ISLAM UNTUK KEPENTINGAN ORANG TERTENTU... DALAM HAL **INI, KITA** PERCAYA RAKYAT DAPAT MEMBEZAKAN ANTARA KACA DAN **MANIKAM, +** KATANYA.

**DATUK SERI DR MAHATHIR** **JUGA** BERKATA **BELIAU** TELAH MEMINTA **SEMUA** **BADAN** PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MENGUMPULKAN ORANG YANG PERLU DITEMUI OLEH **BELIAU** SEMPENA SIRI LAWATAN **KETIGANYA** **KE** SELURUH NEGARA.

**BELIAU** BAGAIMANAPUN BERKATA LAWATAN SIRI KETIGA ITU HANYA AKAN DILAKUKAN SELEPAS **BELIAU** MELAWAT SABAH DAN SARAWAK SEBAGAI PENERUSI BN SEKEMBALINYA DARIPADA LAWATAN KE KOREA SELATAN.

**KATANYA**, **BELIAU** **JUGA** MENGAMBIL KEPUTUSAN MUKTAMAD UNTUK TIDAK MENGHADIRI PERSIDANGAN **BANGSA-BANGSA** BERSATU SELEPAS LAWATAN KE KOREA SELATAN DAN KEMUNGKINAN AKAN MENGHANTAR MENTERI LUAR DATUK ABU HASSAN OMAR SEBAGAI WAKIL. -- LAG1

0084

u 6975 AAB  
MAHATHIR - CALON 4 KUALA LUMPUR

PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN AKAN MENGIRINGI PERDANA MENTERI DALAM LAWATANNYA KE SABAH DAN SARAWAK, SEMENTARA LAWATAN KE NEGERI-NEGERI LAIN AKAN DILAKUKANNYA SENDIRIAN ATAU OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA.

PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN YANG LAIN BOLEH MENGADAKAN SIRI LAWATAN YANG BERASINGAN MENGIKUT KEHENDAK PARTI MASING-MASING, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRINKITINGAN AKAN TURUT SERTA DALAM ROMBONGANNYA KE KOREA SELATAN.

BELIAU BERKATA MESYUARAT KIRA-KIRA TIGA JAM ITU MEMBINCANGKAN SECARA UMUM MENGENAI PILIHAN RAYA, PERKEMBANGAN KRISIS TELUK DAN BEBERAPA MASALAH SEMASA LAIN.

KATANYA, MAJLIS TERTINGGI MEMBINCANGKAN KEDUDUKAN PARTILAWAN YANG SENTIASA MENIMBULKAN SPEKULASI MENGENAI TARIKH-TARIKH TERTENTU PILIHAN RAYA UMUM AKAN DIADAKAN. -- BERNAMA

1600MST 08 09 9 0